



PUNCA JEREBU

Oleh Sharon Ang Jia Xuan, SMK Bandar Kuching No.1, Sarawak.

MUTAKHIR ini, masalah jerebu di Malaysia semakin kronik. Jerebu merupakan fenomena atmosfera yang berlaku apabila debu, asap dan zarah halus lain mengaburi kejelasan langit. Jerebu yang tebal turut dikenali sebagai asbut. Fenomena ini terjadi akibat zarah, debu dan asap yang terampai pada cuaca yang kering. Zarah-zarah kecil ini berkumpul pada paras rendah atmosfera dan akan mengaburi pandangan. Keadaan ini seterusnya akan menyebabkan masalah pernafasan.

Antara faktor yang menyebabkan jerebu termasuklah pembakaran bahan api fosil. Hal ini dikatakan demikian kerana karbon dioksida, hidrokarbon dan sulfur dioksida yang dihasilkan semasa pembakaran bahan api fosil akan terampai di atmosfera yang mengakibatkan pencemaran udara. Secara langsung, kadar berlakunya jerebu akan meningkat seperti tiada pengakhiran. Sebagai contoh, pembakaran sampah dan bahan buangan oleh sektor domestik secara meluas akan membawa kesan negatif terhadap cuaca dan iklim yang merupakan antara punca utama berlakunya jerebu. Pembakaran bahan api fosil

akan menjejaskan kualiti udara di samping mengurangkan jarak penglihatan manusia.

Selain itu, sikap manusia yang hanya mementingkan diri sendiri juga menjadi punca kejadian jerebu. Dalam konteks ini, sifat manusia seperti enau dalam belukar, melepaskan pucuk masing-masing, hanya mengutamakan keuntungan. Sebagai misalan, mereka selalu menjalankan kegiatan pembakaran hutan untuk tujuan pembangunan secara tidak terkawal. Natijahnya, udara akan dipenuhi oleh debu dan asap. Bulan samar kian jelas bahawa sikap manusia yang begitu mementingkan diri sendiri akan menyebabkan jerebu.

Kesimpulannya, suatu hakikat yang tidak boleh dikesampingkan ialah masalah jerebu akan mendatangkan pelbagai kesan negatif. Oleh itu, setiap pihak perlulah menggembleng tenaga dan berganding bahu antara satu sama lain untuk memastikan masalah ini tidak berlarutan. Dengan adanya usaha yang dilakukan secara berterusan, sudah pastilah kita akan menuai hasil yang diidam-idamkan. Oleh itu, negara yang bersih tanpa masalah pencemaran dapat dilahirkan.